

ABSTRAK

Pendahuluan

Umumnya, masyarakat Malaysia hari ini mengetahui tentang kewujudan institusi-institusi pentadbiran hal ehwal Islam di setiap negeri sebagai institusi yang menguruskan hal ehwal umat Islam seluruhnya.

Dalam usaha mempertingkatkan kemajuan umat Islam di Malaysia, kerajaan negeri di seluruh negara telah mencuba seberapa daya untuk memanfaatkan institusi-institusi ini sebagai wadah utama. Bagi mencapai tujuan tersebut, institusi-institusi ini, bukan sahaja perlu untuk mempertingkat dan mempergiatkan aktivitinya, malah yang lebih utama perlu mempertingkatkan prestasi pentadbiran dan pengurusannya terlebih dahulu.

Melihatkan hal inilah penulis merasa amat perlu untuk mengkaji corak dan bentuk pentadbiran hal ehwal agama Islam dari sudut organisasi, terutamanya. Bagi tujuan ini penulis telah memilih pentadbiran hal ehwal Islam di Terengganu sebagai sasarannya.

Objektif Kajian

Setelah lebih lima abad, pentadbiran hal ehwal Islam di Terengganu dilaksanakan, banyak perubahan yang telah dilakukan ke atasnya. Berdasarkan hal inilah, penulis merasakan amat perlu dibuat satu kajian khusus yang mencakupi seluruh pentadbiran hal ehwal Islam yang ada di Terengganu. Lantaran itu, penulis telah membuat kajian berobjektifkan pentadbiran dan aktiviti institusi-institusi ini. Penulis ingin melihat sejauh manakah tahap pencapaian pentadbiran agama dalam menjalankan tugasnya. Ini dirasakan perlu bagi membandingkan dengan objektif penubuhan institusi-institusi tersebut sendiri.

Selain daripada itu, penulis juga ingin menyingkap mana-mana masalah yang wujud di dalam pentadbiran agama, baik di dalam pentadbiran mahupun di dalam aktiviti. Ini penting bagi mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya kelemahan dan kekurangan dalam pentadbiran institusi tersebut. Dengan ini, segala permasalahan yang timbul akan dapat diatasi dengan mudah dan selanjutnya akan menghasilkan perkhidmatan yang baik.

Skop Kajian

Kajian ini banyak bertumpu kepada bidang pentadbiran, baik dari segi organisasi dan aktiviti mahupun dari segi masalah, sesuai dengan pengkhususan tajuk di dalam bidang tersebut. Selebihnya, kajian ini memperkatakan tentang pentadbiran hal ehwal Islam Terengganu dari sudut sejarahnya.

Pada zahirnya, skop kajian mungkin kelihatan agak sempit. Tetapi suatu yang perlu diingat, kajian ini tidak hanya bertumpu ke satu institusi sahaja. Semua institusi-institusi pentadbiran hal ehwal Islam seperti JHEAT, MAJLIS, Jabatan Kehakiman Syarikah dan YIT adalah termasuk di dalam sasaran kajian penulis. Secara tidak langsung kajian ini sebenarnya telah menjangkau skop yang luas di dalam pentadbiran agama.

Metodologi Kajian

Sebagai sebuah kajian luar, penulis terpaksa menggunakan berbagai jenis metod yang ada di dalam proses pengumpulan data. Di antara metod-metod yang digunakan ialah:-

1. Penyelidikan perpustakaan
2. Dokumentasi

3. Kaji Selidik

4. Temubual

Metod penyelidikan perpustakaan banyak digunakan dalam mengumpul data-data sejarah bagi fasal pertama. Oleh kerana itu, penulis dalam hal ini, lebih banyak bergantung kepada buku-buku, artikel, kertas kerja dan surat-surat perjanjian lama.

Sementara itu, metod dokumentasi banyak digunakan dalam pengumpulan data untuk fasal ketiga. Dalam kajian ini, penulis banyak bertumpu kepada carta-carta organisasi dan dokumen-dokumen yang diperolehi dari institusi-institusi tersebut.

Manakala metod kaji selidik pula digunakan untuk mengenal pasti pandangan umum masyarakat dan kakitangan institusi sendiri dan permasalahan yang timbul berhubung dengan perkhidmatan mereka. Di sini, penulis menggunakan dua jenis borang kaji selidik berdasarkan dua kumpulan sampel. Kaji selidik pertama menggunakan masyarakat umum sebagai responden sementara kaji selidik yang kedua pula adalah ditujukan kepada kakitangan pentadbiran hal ehwal Islam sebagai sasarannya.

Metod terakhir yang digunakan dalam kajian ini ialah metod temubual. Metod temubual ini, digunakan untuk menampung data-data yang telah ada baik dari segi organisasi mahupun dari segi aktiviti dan permasalahan. Metod ini sebenarnya banyak menolong penulis menambahkan data-data bagi fasal ketiga dan keempat.

Masalah Kajian

Dalam mengumpul data-data untuk kajian ini, penulis telah menghadapi beberapa masalah. Kajian ini banyak bertumpu kepada pengumpulan bahan mengenai organisasi dan kegiatan, jadi penulis sedikit sebanyak telah menghadapi masalah dalam mendapatkannya.

Tidak semua institusi-institusi ini yang merekod dan menyimpan bahan-bahan berbentuk demikian. Walau bagaimanapun, penulis cuba untuk mendapatkannya melalui temubual. Malangnya banyak temubual yang tidak dapat diadakan kerana mereka yang terlibat tidak dapat dihubungi. Ini disebabkan kebanyakan mereka adalah para pegawai kanan yang sentiasa sibuk dan kesuntukan masa. Hanya dua temubual yang berjaya diadakan dan ini sebenarnya merupakan data yang paling berharga dalam kajian ini.

Masalah lain yang dihadapi ialah mengenai pengedaran borang kaji selidik, terutamanya bahagian kakitangan institusi-institusi. Walaupun borang-borang tersebut telah diamanahkan untuk diedarkan kepada kakitangan, tetapi hanya sebahagian sahaja yang telah diedarkan, selebihnya terbiar begitu sahaja. Penulis hanya mendapat sebahagian sahaja daripada bilangan responden yang sepatutnya. Keadaan ini menimbulkan banyak masalah kepada penulis dalam menganalisis data yang tidak menyeluruh terutama dalam bahagian masalah pentadbiran hal ehwal agama.

Di dalam kaji selidik awam pula, penulis menghadapi masalah dengan responden yang tidak mengetahui tentang banyak hal mengenai institusi-institusi ini. Malah ramai di antara mereka yang lansung tidak pernah menjejaki JHEAT sebagai pentadbiran induk hal ehwal agama. Hal ini menyukarkan mereka untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Sinopsis Kajian

Kajian ini dibincangkan di dalam lima fasal. Fasal pertama membicarakan mengenai pentadbiran hal ehwal Islam Terengganu dari sudut sejarahnya.

Di dalam fasal ini, penulis memulakan dengan sejarah kedatangan Islam ke Terengganu, seterusnya membincangkan perkembangan selepasnya. Ini termasuk sejarah penubuhan dan perkembangan institusi pentadbiran tersebut.


Sementara di dalam fasal kedua, perbincangan mula tertumpu kepada organisasi pentadbiran. Penulis dalam membicarakan mengenai organisasi ini telah membahagikannya kepada beberapa tajuk kecil berdasarkan institusi-institusi yang ada. Ia dibincangkan dalam dua sudut struktur organisasi dan sudut perjawatan serta bidang kuasa.

Fasal ketiga mengkhususkan perbincangannya dari segi aktiviti yang dibahagikan mengikut institusi.

Manakala di dalam fasal keempat, penulis cuba memaparkan beberapa masalah yang dihadapi oleh pentadbiran hal ehwal Islam serta beberapa saranan yang mungkin boleh diberi perhatian dalam usaha meninggikan lagi prestasi perkhidmatannya.

Akhir sekali fasal kelima, di mana penulis telah mengemukakan satu pandangan umum berdasarkan kajian yang telah dibuat. Rumusan ini seterusnya

diikuti dengan beberapa saranan sebagai tambahan.



SENARAI CARTA

- CARTA 1 : Carta organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
- CARTA 2 : Carta organisasi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
- CARTA 3 : Carta organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu.
- CARTA 4 : Carta organisasi Yayasan Islam Terengganu